



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 2 Julai 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

PERNIAGAAN

FOTO: BERNAMA



Armizan (dua dari kiri) menyantuni peniaga di Pasar Am Papar ketika melakukan walkabout di Pekan Papar.

ReDI bantu peniaga celik digital

Program diperluas ke kawasan luar bandar, pedalaman di Borneo

Oleh ASYIKIN ASMIN
PAPAR

Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) kini diperluas ke kawasan luar bandar dan pedalaman di Borneo bagi memudahkan peniaga di Sabah dan Sarawak menjalankan operasi secara digital.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, langkah proaktif kementerian itu bertujuan memberi pendedahan kepada peniaga luar bandar mengenai

pengoperasian perniagaan berkonsepkan digital.

Menurutnya, Program Kembara ReDI memfokuskan penggunaan kemudahan e-dompet dalam urusan transaksi pembelian dan mewujudkan ekosistem masyarakat tanpa tunai, khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman.

"Dalam kembira ini, beberapa daerah akan menjadi *pit stop*. Cawangan-cawangan KPDN sentiasa digerakkan untuk mendaftarkan sejumlah mungkin peniaga," katanya selepas melakukan tinjauan di Pasar Papar di sini pada Selasa.

Mengulas lanjut, jelas beliau, program kembara itu diadakan selama 10 hari, dengan lokasi pertamanya di Sematan, Sarawak dan dijadualkan berakhir pada 5 Julai ini di Tawau.

"Inisiatif ReDI menawarkan pengurusan kewangan efisien, peluang

perkembangan perniagaan, kepelbagaian pilihan pembayaran dan pengurusan inventori lebih berkesan yang boleh dimanfaatkan peniaga.

"Usaha ini dilaksanakan melalui sokongan dan kerjasama rakan strategik seperti Bank Negara Malaysia, PayNet serta syarikat penyedia e-wallet berdaftar," katanya.

Menurutnya, sejak dilancarkan pada 27 Ogos 2022 sehingga 31 Mei 2025, KPDN telah membantu 22,368 peniaga untuk mendaftar dengan e-wallet di seluruh negara.

"Jumlah ini melebihi sasaran 100 peratus iaitu 15,000 peniaga berdaftar menjelang 2025 seperti ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12).

"Bermula 1 Januari sehingga 31 Mei lalu, jumlah peniaga berdaftar ReDI merekodkan jumlah keseluruhan 3,229 peniaga di seluruh negara," katanya.



www.asiatimes.com.my

2 JULY 2025

Armizan: 22,368 traders registered with e-wallets via ReDI initiative

PAPAR: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN), through its Retail Sector Digitalisation Initiative (ReDI), has helped 22,368 traders nationwide register for e-wallet services, since the programme was launched in August 2022, up to May this year.

Its Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the figure far exceeded the 12th Malaysia Plan's target, of 15,000 registered traders by this year.

"From Jan 1 to May 31, 2025, a total of 3,229 traders nationwide registered under ReDI. Of this, 1,120 were from Sabah and 1,799 from Sarawak," he said.

He said this after flagging off the Sabah Zone-level ReDI Roadshow 2025, here, yesterday.

Armizan added that the ongoing 10-day Borneo ReDI Roadshow 2025, organised by KPDN - kicked off on June 26 in Semporna, Sarawak, and is scheduled to conclude on July 5 in Tawau, Sabah.

He said the organisation of the Borneo ReDI Roadshow 2025 is a proactive move by KPDN, to raise awareness among rural traders about operating digital-based businesses.

"The main focus is to promote the use of e-wallets for purchase transactions, and to foster a cashless society, especially in rural areas," he said.

"The ReDI initiative offers efficient financial management, business develop-



BERNAMA

Armizan said the figure far exceeded the 12th Malaysia Plan's target, of 15,000 registered traders by this year.

ment opportunities, a variety of payment options, and more effective inventory control that traders can leverage," he added.

Armizan added that the initiative is

supported through strategic collaboration with partners, such as Bank Negara Malaysia, PayNet, and registered e-wallet providers, including Touch 'n Go eWallet, GrabPay, ShopeePay, MAE by Maybank,

Boost, and SPay Global.

"As of the fifth day of the ReDI Borneo Roadshow 2025, a total of 3,708 traders in Sabah and Sarawak have registered," he said. — Bernama

Lebih 22,000 peniaga berdaftar di bawah ReDI

PAPAR: Sebanyak 22,368 peniaga di seluruh negara telah berdaftar di bawah Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) sejak ia dilancarkan pada Ogos 2022 hingga Mei tahun ini.

Menyatakan hal ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata jumlah berkenaan melebihi sasaran 15,000 peniaga seperti yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

"Dalam tempoh 1 Jan hingga 31 Mei tahun ini pula, sebanyak 3,229 peniaga di seluruh negara berdaftar di bawah ReDI. Daripada jumlah itu, Sabah merekodkan 1,120 peniaga dan Sarawak (1,799)," katanya selepas Majlis Pelepasan Program Kembara ReDI peringkat Zon Sabah di sini semalam.

Armizan berkata KPDN telah menganjurkan Kembara ReDI selama 10 hari bermula 26 Jun dengan lokasi pertama di Sematan, Sarawak dan dijadual berakhir pada 5 Julai di Tawau, Sabah.

Beliau berkata pengajuran Kembara ReDI Borneo 2025 merupakan

langkah proaktif KPDN dalam usaha memberi pendedahan kepada peniaga luar bandar berhubung pengoperasian perniagaan berkonsepkan digital.

"Fokus utama adalah penggunaan kemudahan e-dompet dalam urusan pembelian dan mewujudkan ekosistem masyarakat tanpa tunai di seluruh negara termasuk di luar bandar.

"ReDI menawarkan pengurusan kewangan yang efisien, peluang perkembangan perniagaan, kepelbagaiannya pilihan pembayaran dan juga pengurusan inventori berkesan yang boleh dimanfaatkan para peniaga," katanya.

Armizan berkata usaha berkenaan dilaksanakan melalui sokongan dan kerjasama rakan strategik seperti Bank Negara Malaysia (BNM), PayNet dan pelbagai syarikat penyedia e-dompet yang berdaftar.

"Setakat lima hari Kembara ReDI Borneo 2025 berlangsung, jumlah peniaga berdaftar bagi negeri Sabah dan Sarawak adalah sebanyak 3,708 orang," katanya.

— Bernama



TURUN PADANG: Armizan berinteraksi mesra dengan peniaga di Pasar Am Papar ketika melakukan walkabout di Pekan Papar, semalam. —Gambar Bernama

Armizan: 22,368 traders registered with e-wallets via ReDI initiative

PAPAR: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) through its Retail Sector Digitalisation Initiative (ReDI) has helped 22,368 traders nationwide register for e-wallet services as of May this year since the programme was launched in August 2022.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the figure far exceeded the 12th Malaysia Plan's target of 15,000 registered traders by this year.

"From Jan 1 to May 31, 2025, a total of 3,229 traders nationwide registered under ReDI."

Of this, 1,120 were from Sabah and 1,799 from Sarawak," he said after flagging off the Sabah Zone-

level ReDI Roadshow 2025, here yesterday.

Armizan added that the ongoing 10-day Borneo ReDI Roadshow 2025, organised by KPDN, kicked off on June 26 in Sematan, Sarawak and is scheduled to conclude on July 5 in Tawau, Sabah.

He said the organisation of the roadshow is a proactive move by the ministry to raise awareness among rural traders about operating digital-based businesses.

"The main focus is to promote the use of e-wallets for purchase transactions, and to foster a cashless society, especially in rural areas," he said.

The ReDI initiative offers

efficient financial management, business development opportunities, a variety of payment options, and more effective inventory control that traders can leverage."

Armizan added that the initiative is supported through strategic collaboration with partners such as Bank Negara Malaysia, PayNet, and registered e-wallet providers including Touch 'n Go eWallet, GrabPay, ShopeePay, MAE by Maybank, Boost, and S Pay Global.

"As of the fifth day of the ReDI Borneo Roadshow 2025, a total of 3,708 traders in Sabah and Sarawak have registered," he said. — Bernama



Armizan speaks to traders on adopting e-wallet services during a walkabout at Pasar Am Papar after flagging off the roadshow. — Bernama photo



OPS KESAN 4.0 bermula 1 Julai 2025

Oleh JOHN TAMBANAN

KOTA KINABALU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) akan melaksanakan OPS KESAN 4.0 yang akan berkuat kuasa bermula 1 Julai 2025.

Menyatakan itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, pelaksanaan itu sejajar dengan pelaksanaan semakan kadar Cukai Jualan dan peluasan skop Cukai Perkhidmatan (SST).

Katanya, OPS KESAN 4.0 akan digerakkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 (Akta 723).

Katanya, fokus pemanfaatan dan penguatkuasaan adalah untuk memastikan peniaga di semua peringkat tidak mengambil kesempatan

menaikkan harga barang dan perkhidmatan dengan tidak munasabah serta bertentangan dengan perundangan di bawah AKHAP 2011.

Katanya, skop penguatkuasaan adalah meliputi barang dan perkhidmatan yang terlibat dalam semakan kadar cukai jualan dan peluasan skop cukai perkhidmatan (SST) yang berkaitan.

"Ini termasuk pemanfaatan terhadap barang yang tidak terlibat dengan semakan kadar SST seperti barang keperluan asas," katanya pada sidang media, di Pusat Konvensyen Anggarabangsa Sabah (SICC), di sini pada Isnin.

Armizan berkata, dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan OPS KESAN 4.0, KPDN telah dan akan terus mengerakkan tiga pendekatan, pertama melaksanakan



SIDANG MEDIA Armizan (tengah) diiringi pegawai kanan KPDN semasa mengadakan sidang media di SICC pada Isnin.

proses pengumpulan data harga dan caj perkhidmatan.

"Ini termasuk menggunakan pakai data-data kutipan harga harian oleh Pegawai Pemantau Harga (PPH) KPDN. Data ini akan dijadikan asas perbandingan harga dan caj

perkhidmatan sebelum dan selepas pelaksanaan semakan kadar SST," katanya.

Kedua, memperkuatkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan berkaitan dan menggalakkan partisipasi awam sejarar dengan

pelaksanaan KITA GEMPUR iaitu Gerakan Membanteras Manipulasi dan Ketirisan.

Ketiga, menetapkan Prosedur Operasi Standard (SOP) pengurusan aduan berkaitan dengan caj, harga dan bekalan.

Katanya, saluran aduan disediakan untuk membolehkan orang ramai mengemukakan sebarang maklumat kepada pihak Kementerian melalui saluran-saluran berikut, Pusat Arahan Pengukuasaan: 03-8882 6245/6088; WhatsApp: 012-665 4292; Portal e-Aduan KPDN: <http://eaduan.kpdn.gov.my>; iCall Centre: 1-800-886-800; dan Aplikasi Telefon Pintar: Ez ADU KPDN.

Armizan berkata, KPDN akan mengambil tindakan tegas sekiranya kenaikan harga yang tidak munasabah dilakukan dan tidak sejajar dengan perundangan pencatutan.

Katanya, peniaga individu yang disabitkan kesalahan melakukan pencatutan boleh didenda sehingga RM100,000.00 atau tiga tahun penjara, atau kedua-duanya sekali.. Manakala bagi syarikat, denda sehingga RM500,000.00 boleh dikenakan jika disabitkan kesalahannya.



HARI:

RABU

TARIKH:

2/7/2025

M/SURAT:

14

Inisiatif ReDI luaskan ekosistem cashless society di kawasan luar bandar

Oleh JOHN TAMBANAN

PAPAR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) meneruskan komitmen dalam memperkisasakan sektor peruncitan tempatan melalui Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan atau Retail Digitalisation Initiative (ReDI).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, pelaksanaan ReDI bertujuan untuk memperkenalkan kaedah perniagaan berasaskan digital, khususnya penggunaan e-wallet dalam kalangan peniaga terutamanya di luar bandar.

Katanya, bagi menyokong usaha ini, KPDN telah mengajurkan Kembara ReDI Borneo 2025.

"Program kembara selama 10 hari ini telah bermula pada 26 Jun 2025 dengan lokasi pertama di Sematan, Sarawak dan dijadualkan akan berakhir pada 5 Julai 2025 di Tawau, Sabah sebagai lokasi terakhir," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan majlis pelepasan Kembara ReDI bagi Zon Sabah dan Sarawak, di sini.

Armizan berkata, pengajuran program Kembara ReDI Borneo 2025 ini merupakan satu langkah proaktif KPDN dalam usaha memberi pendedahan kepada peniaga luar bandar berhubung pengoperasian perniagaan berkonsepkan digital.

Katanya, fokus utama adalah penggunaan kemudahan e-wallet dalam urusan transaksi pembelian dan mewujudkan ekosistem

masyarakat tanpa tunai (cashless society) di seluruh negara khususnya kawasan luar bandar.

Menurutnya, inisiatif ReDI ini menawarkan pengurusan kewangan yang efisien, peluang perkembangan perniagaan, kepelbagaiannya pilihan pembayaran dan juga pengurusan inventori yang lebih berkesan yang boleh dimanfaatkan oleh para peniaga.

"Usaha ini dilaksanakan melalui sokongan dan kerjasama rakan strategik seperti Bank Negara Malaysia, PayNet dan syarikat penyedia e-wallet yang berdaftar seperti Touch&Go e-wallet, GrabPay, ShopeePay, MAE Maybank, Boost dan SPay Global," katanya.

Armizan, yang juga Ahli Parlimen Papar berkata, sejak dilancarkan pada 27 Ogos 2022 sehingga 31 Mei 2025, KPDN telah membantu 22,368 peniaga untuk mendaftar dengan e-wallet di seluruh negara.

"Jumlah ini adalah melebihi sasaran 100 peratus iaitu 15,000 peniaga berdaftar menjelang tahun 2025 seperti yang ditetapkan di bawah RMK-12," katanya.

Katanya, bermula 1 Januari sehingga 31 Mei 2025, jumlah peniaga berdaftar ReDI merekodkan jumlah keseluruhan seramai 3,229 peniaga di seluruh negara.

"Daripada jumlah ini, jumlah peniaga berdaftar bagi negeri Sabah adalah 1,120 dan 1,799 bagi negeri Sarawak. Setakat lima hari Kembara ReDI Borneo 2025 ini dilaksanakan, jumlah peniaga berdaftar bagi negeri Sabah dan Sarawak adalah seramai 3,708 orang," katanya.



PELEPASAN Armizan menyempurnakan majlis pelepasan Kembara ReDI bagi Zon Sabah dan Sarawak, di Papar.



25 premis jualan langsung digempur

KPDN banteras penyelewengan dalam industri jualan langsung

Oleh NORAFIZA JAAFAR
SEREMBAN

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Negeri Sembilan telah menjalankan pemeriksaan terhadap sebanyak 25 premis jualan langsung menerusi Operasi Kita Gempur.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Negeri, Faizah Othman berkata, operasi tersebut bertujuan membanteras penyelewengan dalam industri jualan langsung serta me-

mastikan pematuhan terhadap Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993.

"Sepanjang pemeriksaan yang dijalankan sehingga Isnin lalu, sebanyak 25 premis telah diperiksa dan satu kes telah diamalkan tindakan di bawah akta berkenaan selepas pemegang lesen didapati tidak mematuhi syarat lesen yang dikenakan oleh pengawal," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Menurut beliau, operasi terbabit telah dilaksanakan secara serentak di seluruh Negeri Sembilan yang melibatkan seramai 16 anggota penguasa KPDN.

Ujar Faizah, operasi tersebut juga bertujuan memastikan semua peniaga mematuhi peraturan yang ditetapkan bagi mengelakkan berlakunya sebarang bentuk penipuan atau ketidaktelusuhan

dalam transaksi jual beli.

"Peniaga yang gagal mematuhi syarat lesen atau terlibat dalam skim tidak sah boleh dikenakan tindakan undang-undang mengikut peruntukan di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993," ujarnya.

Faizah turut menyeru orang ramai supaya menyalurkan aduan sekiranya mengetahui terdapat sebarang salah laku atau ketidakpatuhan melibatkan syarikat jualan langsung.

Aduan boleh dibuat melalui saluran WhatsApp di nombor **019-848 8000**, aplikasi telefon pintar, Ez ADU KPDN, talian bebas tol **1-800-886-800** dan portal e-aduan.kpdn.gov.my.



Seramai 16 anggota penguasa KPDN Negeri Sembilan terlibat dalam Operasi Kita Gempur.



Penguasa menjalankan pemeriksaan ke atas premis jualan langsung di Negeri Sembilan.



MOHD. JAFNI melakukan pemeriksaan ke atas premis perniagaan di Kulai kelmarin.

8 premis niaga warga asing diarah tutup

KULAI – Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) mengarahkan lapan premis yang dikendalikan warga asing ditutup serta-merta dalam operasi bersepadu membanteras perniagaan tanpa lesen di sini kelmarin.

Selain itu, tiga premis lagi disita barang jualan dan seramai 16 warga asing ditahan kerana tidak memiliki permit bekerja.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Mohd. Jafni Md. Shukor berkata, MPKu mengeluarkan kompaun keseluruhan RM2,900 atas pelbagai kesalahan.

"Operasi ini merupakan usaha

berterusan memastikan undang-undang pihak berkuasa tempatan (PBT) dipatuhi sepenuhnya di samping melindungi kepentingan peniaga tempatan yang sah.

"Setiap premis yang diperiksa didapati melanggar syarat lesen, dan tindakan penutupan serta sitaan telah dilakukan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada," katanya selepas serbuan itu di sini semalam.

Operasi tersebut turut disertai polis, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Jabatan Imigresen, Jabatan Kesihatan dan agensi lain.



HARI:

RABU

TARIKH:

2/7/2025

M/SURAT:

2

朝野领袖均面对贪污指控 阿米占：勿仅攻击沙盟

(本报讯) 沙盟副秘书长拿督阿米占阿里昨日警告有关方面不要选择性利用贪污指控作为对沙盟进行政治攻击的工具，并非仅有沙盟领袖面对贪污指控。

他在回应沙巴公正主席拿督慕斯达法指「沙盟又有6名领袖被指涉及贪污丑闻，可能会显著改变沙巴的政治格局」时，呼吁各造及政治人物对此类指控采取公正和平衡的态度，也不要对仍在法庭审理的案件基于印象或观感过早下定论。

他说：「我们不应把贪污指控当成有针对性的政治武器，事实上，涉及贪污案件或遭贪污指控的包括来自各个政治阵营的领袖，无论

是反对党还是执政党；有些人已被起诉后获判无罪，有些被定罪，也有人获得了『无事释放』(DNAA)的判决，也有一些案件缠讼多年，仍未有定案。

「从所谓的贿金『金流轨迹』来看，有些钱是进了个人户口、配偶户口、代理公司，或是通过特定资产等形式转换为利益。」

「在过去七八个月里，沙盟承受了来自舆论的各种批评与指控，但一直选择不予反击；我们也从未对其他政党领袖涉及的贪污案件发表公开评论，我们选择尊重司法制度……单单针对沙盟是不公平的。」

阿米占也是联邦国内贸易及生活成本部

长，他是在吧巴主持婆罗洲零售业数位化计划巡回活动挥旗礼后接受报界访问时这麽表示。

他强调，「未经定罪皆为无罪」的原则应普遍适用，不应因政治立场而有差别。

他也表示，有趣的是，在矿业案中那名曾公开承认向几名州议员行贿的人，如今在法庭上却不认罪，「那麽，不认罪就代表他真的没行贿吗？」

阿米占指出，正如首席部长兼沙盟主席拿督斯里哈芝芝诺所说的，沙盟一直坚持须循法律程序行事。

他强调，法律程序应该在不受干预、不带偏见，也不受政治压力地顺利进行。

他说：「我不是要求大家偏袒沙盟，但也请不要因为事实让人感到不舒服，就选择视而不见……即便我们有时好像被逼到墙角，我们也不会慌乱去做对比或反击，而是选择让法律程序自行运作。」 (020)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

National

RON95 subsidy rationalisation in final stages — Amir Hamzah

KUALA LUMPUR: The government is focusing on finalising the details of the RON95 subsidy rationalisation, which will begin in the second half of this year, said Finance Minister II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

He noted that just as it was with the diesel rationalisation, the goal for the RON95 subsidy rationalisation is to ensure that the government plug leakages and that businesses and the wealthy contribute their fair share.

"This is so that we have the fiscal strength to secure subsidies for the people who genuinely need them."

The same careful approach applies to the expansion of Sales and Service Tax (SST)—it diversifies revenue and is part of prudent expenditure management," he said in his keynote address at the Invest Asean-Malaysia Conference 2025 yesterday.

Amir Hamzah noted that the government's commitment to fiscal consolidation remained strong as the country had achieved a budget deficit-to-gross domestic product (GDP) ratio of 4.1 per cent last year, better than the official target of 4.3 per cent.

He said that the government is now targeting a 3.8 per cent fiscal deficit for 2025 and is staying consistent with the Public Finance and Responsibility Act 2023 to reduce the deficit to three per cent in the medium term.

"This will be accomplished through revenue-enhancing



Amir Hamzah (right) joins a fireside chat with Bursa Malaysia CEO Datuk Fad'l Mohamed after delivering his keynote address. — Bernama photo

measures, tax system efficiency and taxpayer compliance.

"This year we are doing the SST expansion and the RON95 subsidy rationalisation, and hopefully that will add a revenue base along the way," he said.

He added that the government is confident of getting the additional RM10 billion revenue from the SST expansion, despite recent additional exemptions.

In the meantime, Amir Hamzah emphasised that Budget 2026 and the soon-to-be-tabled 13th Malaysia Plan (13MP) will focus

on being pragmatic, sensible and driving continuity in the nation's progress.

"While it is too early to share details, I can say that it will be yet another effort in securing our economic future, responding where necessary to current economic headwinds and building a fairer, more equitable society," he said.

He added that several other reforms are in the pipeline to support economic growth, build credibility and set governance examples.

"These include the judicial and institutional reform, fiscal and public sector reform, social protection and inclusivity reforms, and digital and innovation-led transformations.

"Current global volatility makes reforms more, not less, urgent. Institutional strengthening, fiscal discipline, and innovation capacity-building are complements to sustainable, resilient economic expansion that is capable of weathering future global disruptions," he added. — Bernama

Sayur import tekan pekebun tempatan

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD
utusannews@mediamulia.com.my

CAMERON HIGHLANDS: Golongan penanam sayur di sini mendakwa kemasukan sayur import menyebabkan harga sayur merosot sekali gus menjaskan pendapatan kira-kira 5,000 pekebun.

Timbalan Pengurus Pertubuhan Pekebun-Pekebun Sayur-sayuran Cameron Highlands, Lau Weng Soow berkata, hampir semua jenis sayur utama seperti kubis, kubis bunga, brokoli, tomat, keledek dan timun kini menerima tekanan hebat akibat kemasukan dari China, Vietnam, Indonesia, New Zealand dan Thailand.

Katanya, harga lelong kubis dan sawi kini hanya sekitar 30 hingga 50 sen sekilogram manakala tomat RM1.20 sekilogram walaupun kos sebenar penanaman mencecah RM2.50 sekilogram, manakala sayur ti-



PENGELUARAN sayur-sayuran di Cameron Highlands, Pahang semakin merosot akibat kemasukan produk pertanian dari luar negara.

mun Jepun pula dijual serendah 50 sen sekilogram.

"Bayangkan, petani yang mengusahakan tiga ekar ladang kini kerugian sehingga RM10,000 se-

bulan. Ramai antara kami sedang mempertimbang untuk menjual ladang kerana tidak lagi mampu menanggung beban kos dan kerugian," katanya ketika dite-

mui *Utusan Malaysia* di sini.

Katanya, penghapusan subsidi diesel bersasar menambah tekanan kerana pekebun terpaksa menanggung kos bahan api yang tinggi bagi kenderaan pacuan empat roda dan jentera ladang.

"Lebih menyesakkan apabila kadar gaji minimum RM1,700 mula dikuatkuasakan, sedangkan majoriti kami hanya mampu membayar secara harian atau berdasarkan hasil," katanya.

Setiausaha pertubuhan sama, Chay Ee Mong menggesa pihak bertanggungjawab turun padang segera bagi melihat sendiri kesengsaraan yang ditanggung lebih 5,000 pekebun dari pelbagai kaum termasuk Melayu, Cina, India dan Orang Asli.

"Kalau tidak ada tindakan segera, industri ini akan mati. Jangan sampai kita menyusupkan pekebun luar negara sedangkan pekebun sendiri menjadi kurus kering," katanya.

Menurut data pertubuhan, kira-kira 4,000 hektar tanah di Cameron Highlands dan Lojing digunakan untuk penanaman sayur yang menjadi sumber utama bekalan domistik dan eksport.

Sementara itu, Pengurus Pertubuhan Pengusaha Pertanian Cameron Highlands, Chin Nam Fong berkata, kerajaan perlu memperkenal semula subsidi input pertanian seperti baja dan racun serangga, yang harganya kini meningkat mendadak menjelang pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) bermula bulan ini.

Katanya, tanpa intervensi kerajaan, negara terus bergantung kepada sayuran import yang belum tentu terjamin dari segi kualiti dan keselamatan.

"Jangan jadikan alasan kekurangan sayur tempatan sebagai lesen untuk membanjiri pasaran dengan hasil luar. Itu bukan penyelesaian jangka panjang," tambahnya.

Peniaga sayur, buah tidak ambil kesempatan peluasan SST

KOTA BHARU – Peniaga sayur-sayuran dan buah-buahan import di Pasar Besar Siti Khadijah, di sini tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga jualan barang selepas kerajaan menguatkuasakan peluasan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) bermula semalam.

Seorang peniaga sayur-sayuran yang dikenali sebagai Luai, 60, berkata, tiada sebarang kenaikan harga bagi dua jenis sayur yang diimport dari Thailand iaitu lobak kerinting dan halia potong.

Katanya, harga lobak kerinting yang dibeli dengan pemborong adalah RM35 untuk 5 kilogram (kg), manakala halia potong RM60 bagi kuantiti sama.

“Saya beli dua sayur itu daripada pemborong dan harga jualannya masih sama iaitu RM14 untuk 1kg halia potong dan RM9 bagi lobak kerinting.

“Pemborong juga tidak menaikkan harga bahan mentah itu. Jadi, tiada keperluan peniaga untuk menaikkan harga bahan yang tidak dikenakan SST,” katanya ketika ditemui Kosmo! semalam.

Seorang peniaga buah-buahan, Norhayati Aziz, 39, berkata, kebanyakan buah-buahan yang dijual di Pasar Besar Siti Khadi-



PENIAGA buah-buahan di Pasar Besar Siti Khadijah, Kota Bharu masih mengekalkan harga jualan mereka. – ROSLIZA MOHAMED

jah itu terdiri daripada barang tempatan dan import.

Menurutnya, peniaga di pasar itu tidak akan menaikkan harga sesuka hati dan jualan barang tersebut mengikut harga pasaran.

“Setahu saya, harga buah-

buah yang dijual seperti tembakau, betik dan lain-lain juga masih sama.

“Peniaga juga tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga kerana kami boleh dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa,” katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 2 JULAI 2025

| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
|--------|--|---|----------------|
| 2-Jul | Lebih 22,000 Peniaga Berdaftar Di Bawah Program ReDI - Armizan | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2439999 | BERNAMA |
| 2-Jul | 22,368 Traders Registered With E-wallets Via ReDI Initiative, Says Armizan | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2440007 | BERNAMA |
| 2-Jul | OPS KESAN 4.0 bermula 1 Julai 2025 | https://beritasabah.com/ops-kesan-4-0-bermula-1-julai-2025/ | BERITA SABAH |
| 2-Jul | PINDAAN PERATURAN BERHUBUNG PENGGUNAAN SILINDER LPG BERSUBSIDI | https://www.borneodailybulletin.com/pindaan-peraturan-berhubung-penggunaan-silinder-lpg-bersubsidi/ | BORNEO DAILY |
| 2-Jul | LPG subsidies for 'rakyat prices' traders | https://www.dailyexpress.com.my/news/261504/lpg-subsidies-for-rakyat-prices-traders/ | DAILY EXPRESS |
| 2-Jul | Ops Kesan to monitor, prevent price increases | https://www.dailyexpress.com.my/news/261503/ops-kesan-to-monitor-prevent-price- | DAILY EXPRESS |
| 2-Jul | LPG subsidies for 'rakyat prices' traders | https://www.dailyexpress.com.my/news/261504/lpg-subsidies-for-rakyat-prices-traders/ | DAILY EXPRESS |
| 2-Jul | Music industry bodies secure leave to challenge new copyright guidelines | https://www.dailyexpress.com.my/news/261551/music-industry-bodies-secure-leave-to-challenge-new- | DAILY EXPRESS |
| 2-Jul | Jualan Rahmah Bergerak MADANI terus dapat sambutan di Miri | https://utusansarawak.com.my/jualan-rahmah-bergerak-madani-terus-dapat-sambutan-di-miri/ | UTUSAN SARAWAK |

| | | | |
|-------|---|---|----------------|
| 2-Jul | Kembara ReDI bantu peniaga luar bandar di Sabah, Sarawak celik digital | https://www.sinarharian.com.my/article/736490/edisi/sabah-sarawak/kembara-redi-bantu-peniaga-luar-bandar-di-sabah-sarawak-celik-digital | SINAR HARIAN |
| 2-Jul | ReDI bantu peniaga luar bandar di Sabah, Sarawak celik digital | https://utusantv.com/2025/07/01/redi-bantu-peniaga-luar-bandar-di-sabah-sarawak- | UTUSAN |
| 2-Jul | Lebih 22,000 Peniaga Berdaftar Di Bawah Program ReDI - Armizan | https://thesun.my/cerita/berita/lebih-22000-peniaga-daftar-bawah-program-redi-armizan-MO14385180 | THE SUN |
| 2-Jul | ReDI perluas ekosistem masyarakat tanpa tunai luar bandar melalui Kembara Borneo 2025 | https://wartaoriental.com/2025/07/01/redi-perluas-ekosistem-masyarakat-tanpa-tunai-luar-bandar-melalui- | WARTA ORIENTAL |
| 2-Jul | Inisiatif ReDI Luaskan Ekosistem Cashless Society di Seluruh Negara Khususnya Kawasan Luar Bandar | https://siakapkeli.my/2025/07/01/inisiatif-redi-luaskan-ekosistem-cashless-society-di-seluruh-negara-khususnya-kawasan-luar- | SIAKAP KELI |
| 2-Jul | Inisiatif ReDI luaskan ekosistem cashless society di kawasan luar bandar | https://www.asiatimes.com.my/2025/07/01/inisiatif-redi-luaskan-ekosistem-cashless-society-di-kawasan-luar- | ASIA TIMES |
| 2-Jul | ReDI perluas penggunaan e-wallet ke luar bandar, capai lebih 22,000 peniaga berdaftar | https://sabahmedidia.com/2025/07/01/redi-perluas-penggunaan-e-wallet-ke-luar-bandar-capai-lebih-22000-peniaga- | SABAH MEDIA |
| 2-Jul | SST Review: KPDN to use three approaches to ensure op kesan 4.0 runs smoothly tomorrow | https://newswav.com/video/sst-review-kpdn-to-use-three-approaches-to-ensure-op-kesan-4-o-runs-smoothly-V2507_3pHBe7 | NEWSWAV |
| 2-Jul | OPS KESAN 4.0 bermula 1 Julai 2025 | https://www.asiatimes.com.my/2025/07/01/ops-kesan-4-0- | ASIA TIMES |

| | | | |
|-------|---|---|---------------|
| 2-Jul | Semakan SST: KPDN gerak Op Kesan 4.0 elak peniaga naik harga sesuka hati | https://newswav.com/article/semakan-sst-kpdn-gerak-op-kesan-4-0-elak-peniaga-naik-harga-sesuka-hati-A2507_KYjxbs | NEWSWAV |
| 2-Jul | KPDN uses three approaches for smooth Op Kesan 4.0 SST review | https://newswav.com/article/kpdn-uses-three-approaches-for-smooth-op-kesan-4-0-sst-review-A2506_geSXZL | NEWSWAV |
| 2-Jul | KPDN to Implement Three-Pronged Strategy for Smooth Op Kesan 4.0 Execution | https://www.malaysiannewsgazette.com/kpdn-to-implement-three-pronged-strategy-for-smooth-op-kesan-4-0- | MALAYSIANNEWS |
| 2-Jul | KPDN Negeri Sembilan gempur 25 premis jualan langsung | https://newswav.com/article/kpdn-negeri-sembilan-gempur-25-premis-jualan-langsung- | NEWSWAV |
| 2-Jul | KPDN Negeri Sembilan gempur 25 premis jualan langsung | https://www.sinarharian.com.my/article/736512/edisi/melakans/kpdn-negeri-sembilan-gempur-25-premis-jualan- | SINAR HARIAN |
| 2-Jul | Kerajaan fokus muktamadkan butiran subsidi RON95 - Amir Hamzah | https://www.sinarharian.com.my/article/736533/berita/nasional/kerajaan-fokus-muktamadkan-butiran-subsidi-ron95---amir-hamzah | SINAR HARIAN |
| 2-Jul | Malaysia di peringkat akhir sebelum laksana rasionalisasi subsidi RON95 – Amir Hamzah | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-di-peringkat-akhir-sebelum-laksana-rasionalisasi-subsidi-ron95-amir-hamzah-527497 | ASTRO AWANI |
| 2-Jul | Rasionalisasi subsidi RON95 di peringkat akhir | https://berita.rtm.gov.my/nasional/sejarai-berita-nasional/sejarai-artikel/rasionalisasi-subsidi-ron95-di-peringkat-akhir | RTM |

| | | | |
|-------|---|---|----------|
| 2-Jul | RON95 subsidy rationalisation in final stages | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2025/07/01/ron95-subsidy-rationalisation-in-final-stages | THE STAR |
| 2-Jul | RON95 subsidy rationalisation in final stages | https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2440114 | BERNAMA |
| 2-Jul | MYNIC dan SSM lancar inisiatif pendaftaran domain .COM.MY | https://thesun.my/cerita/berita/mynic-dan-ssm-lancar-inisiatif-pendaftaran-domain-com-my-MO14388466 | THE SUN |
| 2-Jul | MYNIC dan SSM lancar inisiatif pendaftaran domain .COM.MY | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2440266 | BERNAMA |
| 2-Jul | Rakyat khuatir kos sara hidup meningkat | https://www.tvsarawak.my/2025/07/01/rakyat-khuatir-kos-sara-hidup-meningkat/ | TVS |